

Headline	Penawar kanser		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	12 Oct 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	40	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	309 cm ²
Journalist	Intan Mas Ayu Shahimi	AdValue	RM 12,126
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,378



>> Hasil kajian makmal mendapati lebih **70 peratus** peluang untuk **mengubati penyakit berkenaan**



HARIAN METRO



TIMBALAN Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Hamim Samuri (kiri) dan Dr Abd Latif (kanan) melawat pameran produk.

Penawar kanser

■ **FRIM akan perkenal produk ubatan berasas sisa herba**

Intan Mas Ayu Shahimi
imas@hmetro.com.my

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan memperkenalkan produk ubatan yang berupaya merencatkan sel barah, sekali gus merawat kanser, Jun tahun depan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, produk berasaskan sisa herba itu mempunyai ciri anti-oksidan, anti-kolesterol dan anti-kanser.

“Kita sedar bahawa ramai yang memerlukan penawar bagi merawat kanser, diabetes dan kolesterol.

“Hasil kajian makmal terhadap ubat yang dihasilkan mendapati lebih 70 peratus

peluang untuk mengubati penyakit berkenaan.

“Apabila diuji dengan sel hidup, kita dapati hasilnya sel kanser itu terencat,” katanya kepada pemberita selepas perasmian Seminar Tumbuhan Ubatan dan Beraroma Ke-14 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam.

Jelas Dr Abd Latif, FRIM mengambil masa lebih 10 ta-

hun dalam kajian dan pembangunan (R&D) produk sebelum ia diuji secara klinikal.

“Kita menggunakan pokok dan teknologi sendiri untuk menghasilkan produk ini.

“Selepas selesai dipaten dan hasilnya terbukti berkesan, kita akan dedahkan produk kepada orang ramai untuk digunakan sebagai rawatan alternatif,” katanya.